



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **PROGRAM KONVOI BERBASIKAL WANITA 2017 PECAHKAN REKOD *THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS***

**PUTRAJAYA, 11 Mac** – YB Datuk Mas Ermieyati Samsudin, Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan dan YBhg. Datin Seri Utama Datuk Anggraini Sentiyaki, isteri YB Menteri Wilayah Persekutuan bersama-sama 10,000 wanita mengayuh basikal sejauh 10 hingga 25 km di dalam Program Konvoi Berbasikal Wanita 2017 di Presint 3 hari ini.

Program ini berjaya memperbaharui rekod di dalam *The Malaysia Book Of Records* iaitu Penyertaan Teramai sebelum ini iaitu 3,000 penyertaan. Program ini diadakan bersempena Sambutan Hari Wanita Sedunia serta menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan wanita melalui aktiviti sukan berbasikal.

Program ini adalah anjuran daripada Badan Amal Kasih Ibu dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya, Yayasan Kesejahteraan Bandar dan Biro Sukan UMNO Putrajaya dan disokong oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan The Malaysia Leisure and Recreational Council (MARFIMA).

Konvoi Berbasikal Wanita 2017 yang menggunakan tagline #inilahkuasawanita turut mendapat penyertaan daripada beberapa artis wanita tanah air seperti Vanidah Imran,

Linda Onn, Serina Redzuawan, Maznah Zolkifli, Sharifah Haslinda, Betty Banafe dan Zahida Rafik. Malah program ini juga disertai oleh peserta daripada Australia, Indonesia, Thailand dan Singapura menjadikan acara ini lebih vibrant dan ceria. Pemilihan WP Putrajaya dalam penganjuran seperti ini adalah kerana fasiliti dan keadaan struktur jalan raya yang baik sekaligus mengurangkan risiko kemalangan dalam kalangan peminat sukan berbasikal.

KWP berharap melalui penganjuran program riadah seperti ini dapat memupuk semangat kesukanan, menjadikan gaya hidup sihat dan cergas sebagai amalan, mengeratkan silaturrahim serta suasana yang harmoni dan bersatu dalam kalangan wanita-wanita di Malaysia bersesuaian dengan tema Hari Wanita Sedunia iaitu Berani Untuk Berubah (*Be Bold For Change*).

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Putrajaya  
11 Mac 2017